

## UMS Meterai Kerjasama Bangun Koleksi Kultur Bakteria Dengan Pusat Biodiversiti Sabah

Terakhir dikemaskini: Rabu, 24 Jun 2020 17:01 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 46



**RABU, 24 JUN** - Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB) pada hari ini memeterai satu perjanjian kerjasama dengan Pusat Biodiversiti Sabah (SaBC) bagi membangunkan koleksi kultur bakteria yang sedia ada dan baru dari beberapa lokasi di Sabah.

Menurut kenyataan dari IPB, kerjasama yang melibatkan peruntukan penyelidikan sebanyak RM 500 ribu dari SaBC dengan tempoh perjanjian selama setahun itu ditandatangani dalam satu Majlis Menandatangani Kontrak Penyelidikan antara kedua-dua pihak di Bilik Mesyuarat Lembaga Eksekutif (BMLE), Bangunan Canselori UMS

UMS diwakili oleh Naib Canselor, Prof. ChM. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin menandatangani dokumen perjanjian tersebut, manakala SaBC diwakili oleh Setiausaha SaBC, Gerald Jetony.

Melalui projek kerjasama itu, UMS akan membantu SaBC dalam membangunkan koleksi kultur bakteria yang sedia ada dan baru dari lokasi Pulau Sipadan, Pulau Mabul, Pulau Mataking, Lembah Danum dan Pusat Konservasi Imbak Canyon.

Projek penyelidikan tersebut diterajui oleh Pengarah IPB, Dr. Zarina Amin sebagai ketua projek dan Prof. Dr. Clemente Michael Wong Vui Ling yang merupakan pakar penyelidikan mikrobiologi molekular dari institut tersebut.

Dalam pada itu, Dr. Zarina Amin menjelaskan, dengan kepakaran dan prasarana berteknologi tinggi yang terdapat di institut tersebut, IPB UMS berkeupayaan untuk membantu kerajaan negeri Sabah khususnya dalam membangunkan koleksi kultur bakteria buat kali pertamanya di negeri ini.

“Ini terutama bagi bakteria yang berpotensi mempunyai aplikasi penting di dalam bidang perubatan dan industri seperti enzim dan sebatian biokimia yang lain.

“Antara aktiviti penyelidikan yang akan dijalankan adalah pengkulturan dan pengenalpastian bakteria melalui penjujukan gen 16S serta penjujukan genom beberapa strain yang dikenal pasti,” katanya.

Menurut Dr. Zarina lagi, selain daripada proses pengkatalogan serta penyimpanan bakteria yang dikenalpasti bagi pihak SABC, latihan kepakaran pengkulturan bakteria akan juga diberikan kepada kakitangan SaBC sepanjang tempoh usahasama tersebut berjalan

“Ini adalah sebagai satu proses pemindahan teknologi di antara UMS dan SaBC.

“Sebuah pangkalan data juga akan dibangunkan bagi tujuan penyimpanan rekod jumlah spesies bakteria yang terdapat di negeri Sabah,” kata Dr. Zarina.

Beliau turut berharap agar melalui usaha tersebut, kerjasama rapat dalam bidang pemindahan teknologi dan aktiviti biokonservasi dapat terus dijalinkan di antara ahli akademik UMS dan agensi kerajaan negeri bagi memperkembangkan sektor biokonservasi, bioindustri dan bioperubatan di negeri Sabah.